

**ADUN BN keluar dewan lagi**

**MalaysiaKini.com**

**May 08, 2012**

**Oleh Susan Loone**

Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) BN hari ini bertindak keluar dewan lagi selepas speaker menolak usul untuk merujuk Ketua Menteri Lim Guan Eng ke jawatankuasa pilihan khas.

Pagi ini, Jasmin Mohammad (BN-Sungai Dua) membangkitkan isu bawah Peraturan Tetap 34.8 yang memerlukan dewan membahaskan usul yang disokong oleh 10 ADUN.

Katanya, perbahasan usul itu perlu disegerakan kerana ia penting dan melibatkan kepentingan awam.

Ia juga selari dengan Seksyen 46(17c) Peraturan Tetap yang melarang penggunaan dilarang yang boleh mencetuskan salah faham antara kaum, kata Jasmi merujuk kepada kenyataan berhubung status kuil Hindu.

Kesemua sebelah wakil BN kemudian bangun menyokong usul itu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/197275>